

UMS-KAL anjur program Hari Bertemu Pelanggan

LABUAN: Buat julung-julung kalinya Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) mengadakan program Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan di Dewan Theatre kampus itu selama tiga yang hari berakhir pada Jumaat.

Sebanyak 12 kaunter telah dibuka sepanjang program itu berlangsung membabitkan Pejabat Bahagian Pentadbiran, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan, Bahagian Kewangan, Bahagian Perpustakaan, Bahagian Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar serta Bahagian Sukan.

Kaunter lain ialah Sekolah Sains Informatik Labuan, Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Perkhidmatan Akademik, Bahagian Keselamatan kampus itu an Bahagian Hal Ehwal Islam dan Masjid telah menerangkan fungsi dan perkhidmatan masing-masing di ruang legar Bangunan Menara UMS-KAL.

Turut diadakan ialah sesi dialog bersama pelajar dan pensyarah, penyampaian hadiah Amalan 5S yang dimenangi Bahagian Akademik, kedua Bahagian Pentadbiran dan ketiga Pejabat Kolej Beta, anugerah individu yang paling banyak membaca buku di perpustakaan dan hadiah cabutan bertuah.

Program yang mendapat sambutan yang memberangsangkan itu telah disempurnakan majlis penutupannya oleh Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Terdahlu, Dr Shariff berkata program itu bertujuan untuk memberi peluang kepada pelanggan khususnya pelajar dan kakitangan untuk menyampaikan kritikan secara membina melalui saluran yang betul.

Katanya, dengan menggunakan saluran yang betul, ia akan membantu mempercepatkan penyelesaian masalah yang dihadapi pelajar dan kakitangan dengan lebih efektif dan berkesan.

"Program Hari Bertemu Pelanggan merupakan satu wadah untuk mendengar dan menyelesaikan masalah yang sedia ada dalam kita merealisasikan matlamat ke arah sebuah universiti yang disegani bukan sahaja di negara ini malahan di arena antarabangsa," katanya.

Turut hadir Timbalan Pendaftar, Kamisah Husin; Timbalan Dekan SPKAL, Dr Lim Kian Ping; Timbalan Dekan SSIL, Yuszren Yusak dan Pengerusi Penganjur, Muhajirah Muchlish serta Ketua-Ketua Bahagian. - **OLEH JAIN-UDIN DJIMIN** (jainuddin@newsabah-times.com.my)